

Ruj. Kami: JHEAINS.196(09)BPMS.600/5 Jld.3 ( 65 )

Tarikh:

29 Mac 2023

07 Ramadhan 1444

## EDARAN SEGERA

Pengerusi Jawatankuasa Kariah Masjid  
Pengerusi Jawatankuasa Surau Solat Jumaat  
Pengerusi Jawatankuasa Surau  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

YBhg. Dato'/Tuan,

### PEKELILING PERINGATAN KEPADA SEMUA MASJID DAN SURAU BERKAITAN LARANGAN PENGGUNAAN MASJID DAN SURAU SEBAGAI TEMPAT UNTUK AKTIVITI / KEMPEN POLITIK

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) telah mengeluarkan satu pekeliling peringatan Berkaitan Larangan Penggunaan Masjid dan Surau Sebagai Tempat Untuk Aktiviti / Kempen Politik yang telah mendapat perkenan oleh D.Y.M.M Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus.

...3. Sehubungan dengan itu, jabatan ini memohon pihak YBhg. Dato'/Tuan, untuk mematuhi arahan ini berkuatkuasa serta merta. Bersama-sama ini, disertakan Pekeliling Peringatan tersebut.

Perhatian dan kerjasama YBhg.Dato'/Tuan, dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, wassalam.

**“MALAYSIA MADANI”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“BERSIH . MUAFAKAT . SEJAHTERA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' MOHD ZAIDI BIN RAMLI)**

Pengarah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam  
Negeri Sembilan Darul Khusus

JALAN YAM TUAN 70000 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS ...3/-



Ruj. Kami:JHEAINS.196(09)BPMS.600/5 Jld.3 ( 65 )  
Tarikh: 29 Mac 2023  
07 Ramadhan 1444

s.k.:

Y.A.B. Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun  
Menteri Besar Negeri Sembilan  
Pejabat Menteri Besar Negeri Sembilan  
Tingkat 5, Blok B, Wisma Negeri  
**70503 SEREMBAN**  
**NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

YBhg. Dato' Rozitta binti Sulaiman  
Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan)  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan  
Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri  
**70503 SEREMBAN**  
**NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

YBrs. Sohibul Fadhilah  
Timbalan Mufti Kerajaan Negeri  
Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan  
Aras 15, Menara MAINS, Jalan Taman Bunga  
**70100 SEREMBAN**  
**NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

Setiausaha  
Majlis Agama Islam Negeri Sembilan  
Aras 14, Menara MAINS,  
Jalan Taman Bunga,  
**70000 SEREMBAN**  
**NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

Ketua Polis Negeri  
Ibu Pejabat Polis Kontinjen  
Negeri Sembilan Darul Khusus,  
Jalan Campbell,  
**70710 SEREMBAN**  
**NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

Pengarah Keselamatan Negeri  
Majlis Keselamatan Negara, Negeri Sembilan  
Tingkat 2, Bangunan Lama SUK  
Jalan Dato' Hamzah  
**70000 SEREMBAN**  
**NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

} Untuk perhatian pihak Tuan jua.  
Terima kasih.

Ruj. Kami:JHEAINS.196(09)BPMS.600/5 Jld.3 ( 65 )

Tarikh:

29 Mac 2023

07 Ramadhan 1444

Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama  
Bahagian Penguatkuasaan,  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam  
Negeri Sembilan Darul Khusus,  
Pusat Dakwah Islamiah, Jalan Paroi-Senawang  
**70450 SEREMBAN**  
**NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

} Untuk perhatian pihak Tuan jua.  
Terima kasih.

Ruj. Kami:JHEAINS.196(09)BPMS.600/5 Jld.3 ( 65 )  
Tarikh: 29 Mac 2023  
07 Ramadhan 1444

Imam Besar  
Masjid Negeri, Negeri Sembilan  
**70990 SEREMBAN**  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Pegawai Agama Islam Daerah  
JHEAINS Seremban  
**70990 SEREMBAN**  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Pegawai Agama Islam Daerah  
JHEAINS Kuala Pilah  
**72000 KUALA PILAH**  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Pegawai Agama Islam Daerah  
JHEAINS Tampin  
**73000 TAMPIN**  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Pegawai Agama Islam Daerah  
JHEAINS Rembau  
**71300 REMBAU**  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Pegawai Agama Islam Daerah  
JHEAINS Port Dickson  
**71000 PORT DICKSON**  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Pegawai Agama Islam Daerah  
JHEAINS Jempol  
**72120 BANDAR SERI JEMPOL**  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Pegawai Agama Islam Daerah  
JHEAINS Jelebu  
**71600 KUALA KLawang**  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS



**مَحْلِسُ اِسْلَامِ نَجَارِيْ سَمَبِيلَانِ**  
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN



Ruj. Kami : MAINS-NS (JKP) 02 (07)  
Tarikh : 23 Mac 2023 /  
01 Ramadan 1444H

**DATO' MOHD ZAIDI BIN RAMLI**  
Pengarah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam  
Negeri Sembilan Darul Khusus



السلام علیکم و رحمۃ اللہ و برکاتہ

YBhg. Dato',

**PEKELILING PERINGATAN KEPADA SEMUA MASJID DAN SURAU BERKAITAN LARANGAN PENGGUNAAN MASJID DAN SURAU SEBAGAI TEMPAT UNTUK AKTIVITI / KEMPEM POLITIK**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah berkaitan dan surat P.YDPBNS((345).100-9/2/3 Jld.2 bertarikh 10 Mac 2023 bersamaan 17 Syaaban 1444H adalah dirujuk.

3. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) telah dititahkan oleh D.Y.M.M Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus untuk menyediakan pekeliling peringatan kepada semua masjid dan surau berkaitan larangan penggunaan masjid dan surau sebagai tempat kegiatan aktiviti/kempen politik.

4. Sehubungan dengan itu, bersama ini disertakan pekeliling peringatan yang telah disemak dan diperkenan oleh D.Y.M.M Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus untuk ditandatangani bersama oleh Pengerusi Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan seterusnya dibuat edaran kepada semua Pengerusi Jawatankuasa Masjid, Pengerusi Jawatankuasa Surau dan Pengerusi Jawatankuasa Surau Solat Jumaat Untuk Maklumat / Tindakan Untuk / c/ev

Pembangunan	Perisytihariaan
<input checked="" type="checkbox"/> Peningkalian Kanan	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/> Perizinan / Data	<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/> Jawai Yakim	<input type="checkbox"/>
Ulasan	
<p>نَدَائِنِ سَكَرِ اوْنَسْوَقِ اِيدَارَاتِ سَعْدِ دَادِ سَرَاءُ</p>	

نور مختار  
شدادي

27/3

Ruj. Kami : MAINS-NS (JKP) 02 (07)

Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato' dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.


**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“BERBAKTI KERANA ALLAH”**

**“BERSIH, MUAFAKAT, SEJAHTERA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ZAINAL BIN SAID)**

Setiausaha

Majlis Agama Islam Negeri Sembilan

## **PEKELILING PERINGATAN**

Pengerusi Jawatankuasa Kariah Masjid  
Pengerusi Jawatankuasa Surau Solat Jumaat  
Pengerusi Jawatankuasa Surau  
**NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

Assalamualaikum Wbt.

Y.Bhg Dato'/Tuan

### **LARANGAN MENGGUNAKAN MASJID DAN SURAU SEBAGAI TEMPAT AKTIVITI POLITIK KEPARTIAN**


Dengan segala hormatnya saya merujuk Y.Bhg Dato'/Tuan kepada perkara di atas.

2. Bagi menjunjung Titah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus selaku Ketua Agama Islam di Negeri Sembilan selaras dengan Seksyen 96 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003. Maka Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) kali ke-240 yang telah bersidang pada 28 Mei 2019 mengambil keputusan supaya masjid dan surau di negeri ini tidak dijadikan sebagai tempat kegiatan aktiviti politik kepartian.

- i. Memastikan masjid dan surau sebagai pusat ibadah, pusat menuntut ilmu, pusat penyatuan masyarakat dalam keadaan aman, harmoni dan bebas daripada politik kepartian;
- ii. Melarang segala bentuk ceramah, tazkirah, sesi penerangan atau taklimat serta program komuniti yang mengandungi elemen kempen bagi parti-parti politik tertentu di dalam dewan solat utama, ruang limpah atau di perkarangan masjid dan surau;
- iii. Mengawal dan memastikan dewan solat dan ruang limpah serta perkarangan masjid dan surau tidak dijadikan tempat untuk mengedarkan atau menjual sebarang bentuk penerbitan yang mengandungi fahaman, ideologi atau doktrin parti politik;
- iv. Melarang sama sekali bangunan utama serta perkarangan masjid atau surau termasuk pagar masjid daripada digantung atau dipacak atau dinaikkan mananya bendera atau bahan cetak parti politik, sama ada di dalam atau di luar musim pilihan raya;

- v. Memastikan khatib solat Jumaat terdiri daripada imam yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Manakala bagi khatib jemputan, sama sekali tidak dibenarkan kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Pegawai Agama Islam Daerah;
- vi. Memastikan setiap program yang diadakan di masjid dan surau mendapat kebenaran penganjuran program daripada Pegawai Agama Islam Daerah;
- vii. Mana-mana ahli jawatankuasa atau pegawai masjid yang telah disahkan dalam peraturan pilihanraya sebagai calon dalam pilihanraya di peringkat parlimen atau dewan undangan negeri perlu meletak jawatan atau akan ditamatkan jawatan sebagai ahli jawatankuasa dan pegawai masjid oleh MAINS secara serta merta;
- viii. Mana-mana pengurus dan ahli jawatankuasa masjid dan surau yang mengingkari arahan Pihak Berkuasa Agama boleh diambil tindakan Berdasarkan Seksyen 59 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) (Pindaan) 2019; dan
- ix. Mana-mana orang yang mengajar agama Islam tanpa tauliah daripada Jawatankuasa Tauliah boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 53(2) Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) (Pindaan) 2019.

Perhatian dan kerjasama tuan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

  
.....  
**DATO' SERI DR. ABDUL AZIZ BIN SHEIKH AB. KADIR**  
Pengerusi  
Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS)

  
.....  
**DATO' MOHD ZAIDI BIN RAMLI**  
Pengarah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS)